



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “RAMADAN DIHAYATI, KEMUDARATAN DIHINDARI”

1 April 2022 / 29 Syaaban 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan setiap larangan Nya, mengikhlaskan amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “RAMADAN DIHAYATI, KEMUDARATAN DIHINDARI”

Setelah lebih dua tahun disyaratkan mematuhi pelbagai langkah pencegahan dan pengawalan jangkitan virus Covid-19, alhamdulillah, bermula solat subuh Jumaat, 1 April 2022, umat Islam tidak lagi perlu melakukan penjarakan fizikal, malah dibenarkan merapatkan saf semasa solat berjemaah. Perkembangan ini disambut dengan penuh kesyukuran. Setelah lebih dua tahun, umat Islam menghadapi ujian, serta menghadapinya dengan penuh tabah, sabar, dan reda, akhirnya doa kita dimakbulkan Illahi. Hari ini, kita telah mencapai kemenangan awal, merayakan khabar gembira menjelang Ramadan, yang akan tiba insyallah dua hari lagi.

Negara mula memasuki fasa ‘Peralihan ke Endemik’<sup>1</sup>, sebagai langkah awal untuk membolehkan rakyat kembali semula kepada kehidupan yang biasa. Perkataan endemik merujuk kepada penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan seperti denggi, demam campak, malaria, dan seumpamanya. Dengan erti kata lain, masyarakat

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



hendaklah memahami bahawa virus COVID-19 akan terus berada dalam hidup kita. Oleh itu menjadi tanggungjawab kita, berikhtiar menjaga diri dan ahli keluarga daripada jangkitan penyakit ini.

### **Muslimin yang dimuliakan,**

Sehingga 16 Mac 2022, data Kementerian Kesihatan Malaysia, mencatatkan berlaku hampir empat juta (3,900,433) kes jangkitan Covid-19 di seluruh negara, mengakibatkan lebih tiga puluh empat ribu (34,099) kematian. Di Negeri Perak, berlaku hampir seratus tujuh puluh tiga ribu (172,828) kes jangkitan, dan lebih seribu enam ratus (1,670) kematian disebabkan virus ini.

Sesuai dengan fasa peralihan, mimbar menyeru agar masyarakat segera mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 sebagai langkah meningkatkan daya tahan tubuh dan perlindungan daripada jangkitan. Dos penggalak ialah dos tambahan yang diberikan kepada orang yang telah lengkap menerima dua vaksin. Perlu difahami, walaupun telah menerima dua dos vaksin, kesan kekebalan vaksin mula berkurangan selepas tempoh masa tertentu. Berdasarkan kajian, purata kekebalan bagi orang yang lengkap dua dos vaksin, menurun antara dua puluh hingga empat puluh peratus, antara tempoh tiga hingga lima bulan selepas menerima dos kedua. Oleh itu dos penggalak diberi untuk meningkatkan semula kekebalan tersebut.

Kajian menunjukkan pengambilan dos penggalak, Insya-Allah dapat mengembalikan daya kebal tubuh untuk memberikan perlindungan lebih berkesan daripada jangkitan. Pengambilan dos penggalak juga, Insya-Allah dapat mengurangkan risiko kematian berbanding mereka yang tidak mengambil dos penggalak. Oleh itu rakyat diseru melakukan ikhtiar dalam usaha mengurangkan jangkitan, sekali gus membantu meringankan beban petugas-petugas kesihatan yang sudah begitu penat. Mengambil vaksin dan mengambil dos penggalak ialah ikhtiar, selaras dengan ayat al-Quran dan hadis yang menyeru umat untuk berikhtiar. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 159;

.....﴿فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ﴾ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: Kemudian setelah kamu membulatkan tekad (dengan usaha) maka bertawakallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya.



Menerusi hadis Baginda SAW,

تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٍ الْهَرَمُ

Maksudnya: Hendaklah kamu merawat (penyakit), kerana sesungguhnya Allah tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan Dia turut menyediakan penawar baginya, melainkan satu penyakit sahaja iaitu ketuaan. (Riwayat: Abu Daud: 3885)

### **Sidang Jumaat yang dihormati,**

Mimbar menyeru kepada masyarakat menyahut nasihat untuk mendapatkan suntikan vaksin dan dos penggalak. Sehingga 16 Mac 2022, hampir tujuh puluh lima peratus rakyat di Negeri Perak telah mendapat sekurang-kurangnya dua dos vaksinasi. Manakala, hanya tiga puluh lima peratus daripada kanak-kanak yang layak, yang telah menerima suntikan. Ibu bapa dengan bantuan nasihat guru hendaklah memberikan keyakinan, agar lebih ramai kanak-kanak yang layak, tampil ke hadapan mengambil suntikan.

Rekod Kementerian Kesihatan menunjukkan, jumlah penduduk di negeri ini yang menerima suntikan penggalak, masih rendah, terutama dalam kalangan penduduk di luar bandar dan umat Islam. Mimbar menyeru agar jawatankuasa masjid dan surau, membantu mengenal pasti ahli kariah masing-masing yang perlu dibimbing pemahaman mereka, agar bersedia mendapatkan suntikan. Malah di mana sesuai, dengan kerjasama Jabatan Kesihatan, perkarangan masjid dan surau boleh dijadikan tempat memberi khidmat suntikan.

### **Muslimin yang dikasihi,**

Pelbagai kelonggaran yang diberikan dalam tempoh melangkah ke fasa 'peralihan ke endemik' tidak bermakna ancaman virus Covid-19 telah berakhir. Perkara-perkara asas mengawal jangkitan masih perlu dipatuhi. Walaupun umat Islam berhasrat agar kelonggaran yang selonggar-longgarnya dapat diberikan, untuk membolehkan pelbagai aktiviti dilaksanakan, bertujuan mahu mengimarahkan bulan Ramadan, namun biarlah kita mengamalkan budaya berdikit-dikit dahulu. Kesungguhan mematuhi peraturan dan disiplin tidak melanggar sekatan yang masih dikenakan, semoganya akan dapat merendahkan angka jangkitan; semoga kemenangan awal kita dapat menyambut Ramadan dalam suasana lebih ceria berbanding dua Ramadan yang lalu, akan dituruti



dengan kemenangan lebih besar untuk menyambut Syawal yang lebih riang gembira.

Mimbar dengan itu menyeru Muslimin kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Memperingatkan bahawa virus Covid-19 masih berlegar dalam kehidupan alam dan rakyat jangan sama sekali bersifat alpa.

**Kedua:** Menggalakkan ahli-ahli masyarakat termasuk kanak-kanak mengambil suntikan vaksin dan mengambil dos penggalak dalam kalangan yang telah lengkap dua suntikan.

**Ketiga:** Mematuhi amalan kesihatan serta langkah pencegahan yang ditetapkan untuk merendahkan angka jangkitan ketika menganjurkan aktiviti-aktiviti di masjid dan surau, agar pada tahun ini, Aidilfitri dapat disambut dalam suasana meriah dan ceria. Jemaah dinasahati terus memakai pelitup muka, digalakkan berwuduk dari rumah, dan digalakkan membawa sejadah masing-masing ketika ke masjid dan surau.

**Keempat:** Menyeru masyarakat agar tidak terpedaya dengan hasutan yang menyebarkan maklumat palsu mengenai vaksin; ketika ini terdapat kumpulan anti-vaksin yang cuba menimbulkan kekeliruan dengan mengaitkan vaksin dengan teori konspirasi dan khabar palsu. Akibatnya, dikhabarkan, masyarakat Melayu lebih mudah mempercayai teori konspirasi daripada mempercayai nasihat pakar perubatan dan pakar agama. Elakkanlah diri daripada terpengaruh dengan khabar dan cerita yang tidak pun berasaskan ajaran Islam.

**Kelima:** Perbanyakkan ibadah sempena Ramadan yang penuh berkah melalui aktiviti-aktiviti bertadarus, bersolat terawih, beriktikaf, berqiamullail dan seumpamanya; perbanyakkan bersedekah, berinfaq, berwakaf, serta menziarahi orang tua, orang-orang yang uzur dan daif, membantu fakir miskin dan mengunjungi anak yatim; meriahkan masjid dan surau semoga keceriaan dan syiar Ramadan terserlah memancarkan cahaya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، وَنَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. اللَّهُمَّ سَلِّمْنا مِنْ رَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لَنَا، وَتَسَلِّمْهُ مِنَّا مُتَقَبَّلًا. اللَّهُمَّ أَهْلِلْهُ عَلَيْنَا بِالْيَمِينِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَدَانِ عَامَّةً

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Engkau pelihara kami dari segala kemudaratan wabak penyakit; semoga kami dapat menjalankan ibadah puasa dengan bertenaga, ketenangan dan ketenteraman sepanjang Ramadan, selanjutnya berpeluang bertakbir menyambut Syawal.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibn Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا  
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.